

21/01/2003

Pemimpin, ahli Umno perlu terima perubahan

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR: Semua pemimpin dan ahli Umno perlu menerima perubahan termasuk bersedia mengorbankan kepentingan diri bagi persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang, kata Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob.

Katanya, tindakan Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr

Mahathir Mohamad, membuat rombakan besar-besaran peringkat tertinggi Badan

Perhubungan Umno Kelantan perlu diterima semua pihak bagi memastikan parti

itu terus mendapat tempat di hati rakyat.

"Ini (rombakan) terpulang kepada keputusan Presiden parti kerana apa saja keputusan yang dibuat adalah berdasarkan prestasi individu itu melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan," katanya ketika dihubungi Berita Harian di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kemungkinan beberapa Badan Perhubungan Umno Negeri lain akan mengalami rombakan besar-

besaran yang dijangka mengemukakan lebih banyak muka baru bagi persediaan

parti itu menghadapi pilihan raya umum, tidak lama lagi.

Laporan sebuah akhbar semalam menyebut lima negeri akan melakukan rombakan barisan kepimpinan Umno termasuk menggugurkan wakil rakyat lama bagi memperkukuhkan Barisan Nasional, sebagai persiapan menghadapi pilihan

raya umum akan datang.

Rombakan itu dijangkakan akan dilakukan di peringkat tertinggi Badan Perhubungan Umno Perak, Perlis, Kedah, Terengganu dan Melaka, selaras dengan kepentingan politik semasa.

Perkembangan mengenai rombakan itu dapat dilihat melalui kenyataan Setiausaha Badan Perhubungan Umno Perak, Datuk Ramly Zahari yang mengesahkan lima ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Umno di negeri itu sudah menyatakan hasrat berundur daripada menjadi calon pada pilihan raya umum.

Khamis lalu, Umno merombak Badan Perhubungan Umno Kelantan dengan melantik beberapa muka baru termasuk jawatan timbalan pengerusi badan perhubungan negeri parti itu.

Dalam rombakan di Kelantan, Ketua Umno Bahagian Kota Bharu, Zaid Ibrahim menggantikan Datuk Annuar Musa, manakala Pengerusi Tenaga Nasional Bhd, Datuk Dr Awang Adek Husin dilantik sebagai Bendahari menggantikan Datuk Dr

Nik Husin Abdul Rahman.

Megat Junid berkata, keputusan rombakan oleh pucuk pimpinan tertinggi parti terhadap prestasi serta keberkesanan wakil rakyat serta exco perhubungan Umno negeri dibuat berdasarkan maklum balas serta pengamatan

yang dibuat sejak dua tiga tahun kebelakangan ini.

Bagaimanapun ketika ditanya lebih lanjut sama ada rombakan di lima negeri itu akan dilaksanakan dalam masa terdekat seperti yang dilaporkan oleh sebuah akhbar baru-baru ini, beliau enggan mengulas lanjut.

Sebaliknya, Megat Junid berkata, wakil rakyat Umno kini perlu berkerja kuat berkhidmat bagi memenangi fikiran dan hati rakyat.

"Apa yang lebih penting, wakil rakyat Umno kini mesti turun padang bagi

memastikan masyarakat senang mendekati mereka. Di kawasan bukan kubu Umno,

pemimpin Umno perlu memastikan kehadiran Umno dapat dirasai di kawasan itu," katanya.

Ditanya mengenai fokus utama Bahagian Penerangan ibu pejabat Umno dalam

menghadapi pilihan raya umum akan datang, beliau berkata: "Kami mahu menyuntik jati diri dalam ahli Umno supaya semangat perjuangan kental pejuang Umno pada tahun 1960-an dan 1970-an dapat dipupuk semula. Tidak guna kita menyalahkan pihak ketiga sedangkan kita menyembunyikan kelemahan

diri sendiri."